

# Kerajaan tidak campur pen

BH 2 JUL 2001

KUALA LUMPUR, Anad - Kerajaan atau Umno tidak campur tangan dalam urusan pentadbiran sesebuah universiti dan berharap pihak lain juga tidak berbuat demikian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Soal campur tangan ini bukan benda baru kerana umum mengetahui Umno tak masuk dalam kampus, tapi ada orang lain masuk dulu," kata Perdana Menteri dipercayai merujuk parti pembangkang.

Beliau berkata demikian ketika memberi reaksi ke-

pada cadangan seorang pelajar Universiti Malaya (UM) yang mahu supaya kerajaan tidak campur tangan dalam urusan pentadbiran universiti.

Perkara itu ditimbulkan pelajar berkenaan pada majlis dialog bersama Perdana Menteri sempena Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru di UM, hari ini.

Isu itu merujuk desakan Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said supaya Naib Canselor UM, Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain

meletak jawatan berikutan beberapa kejadian buruk di universiti itu, termasuk kebakaran Dewan Tunku Canselor (DTC) Jumaat lalu.

Terdahulu, sewaktu sesi dialog dimulakan, wakil pelajar UM membaca memorandum menyokong kepemimpinan Dr Anuar Zaini sambil mengingatkan pihak yang mendesak Naib Canselor itu meletak jawatan, supaya memohon maaf dan menarik balik desakan itu. Memorandum itu turut diserahkan kepada Dr Mahathir.

Dr Mahathir memberi jaminan beliau akan meneliti memorandum itu dan melihat apa tindakan selanjutnya.

Beliau bagaimanapun berkata, perbezaan pendapat kadangkala wujud dan hakikat itu harus diterima.

"Kalau kita kata kita tak campur tangan, maka dalam pemerintah (kerajaan)...saya yang bertanggungjawab, maka janganlah kacau saya," katanya.

Kepada satu soalan lain mengenai mengapa mahasiswa kadang-kala dilabel

## tadbiran universiti

sebagai antikerajaan berikutan pendapat yang berbeza, Dr Mahathir berkata perbezaan pendapat wujud di mana-mana.

"Ini naluri manusia. Masalah akan timbul sekiranya pendapat diluahkan berlebihan jika (seseorang) tidak bersetuju (terhadap sesuatu)...seperti mem bakar dewan," katanya secara berseloroh sambil menerima tepukan.

Malah, katanya, dalam Umno dan kerajaan pun wujud perbezaan pendapat tetapi mereka tidak melakukan keganasan atau

memberontak kerana tidak puas hati dan di situlah wujud tolak ansur.

"Yang menjadi masalah sekarang ialah mereka yang dianggap penentang akan bertindak ganas. Ini tidak mendapat faedah kepada negara," katanya.

Mengenai cadangan kerajaan untuk menubuhkan universiti di setiap negeri, beliau berkata, ia boleh dicapai pada masa akan datang kerana ada piawai dan kelayakan tertentu perlu dipenuhi terlebih dahulu.

Beliau yang turut ditanya mengenai usaha kerajaan untuk membantu pelajar Cina terutama dalam bidang pendidikan berkata, buat masa ini kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa mengenai sistem kuota 55:45 kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Bagaimanapun katanya, banyak peluang kini untuk bukan Melayu melanjutkan pendidikan ke pelbagai institusi pengajian tinggi swasta kerana sudah banyak IPTS ditubuhkan.